

# PENCARIAN MAKLUMAT BERKAITAN ILMU AKIDAH, SYARIAH DAN TASAWUF MELALUI YOUTUBE: PERBANDINGAN METODOLOGI TEMU BUAL KUMPULAN FOKUS DAN EKSPERIMEN KUASI

## INFORMATION SEARCHING ON AQIDAH, SYARIAH, AND TASAWWUF VIA YOUTUBE: METODOLOGICAL COMPARISON BETWEEN FOCUS GROUP INTERVIEW AND QUASI EXPERIMENTAL

Mohd Faisal Mustaffa<sup>1</sup>

Mohd Sobhi Ishak<sup>2</sup>

Norizah Aripin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and Sciences, 06010, Universiti Utara Malaysia. (Email: ustfaisal@gmail.com)

**Accepted date:** 19 March 2019

**Published date:** 22 April 2019

**To cite this document:** Mustaffa, M. F., Ishak, M. S., & Aripin, N. (2019). Pencarian Maklumat Berkaitan Ilmu Akidah, Syariah Dan Tasawuf Melalui Youtube: Perbandingan Metodologi Temu Bual Kumpulan Fokus Dan Eksperimen Kuasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(18), 22-29.

---

**Abstrak:** Pelbagai video berkaitan Islam telah disebar luas dalam YouTube. Melihat kepada kecenderungan generasi muda melayari laman YouTube yang begitu meluas ini, timbul persoalan mengenai tujuan penggunaan medium ini untuk tujuan agama dalam kalangan generasi muda Islam, khususnya berkaitan dengan ilmu akidah, syariah dan tasawuf. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola generasi muda Islam dalam menggunakan laman YouTube untuk tujuan agama. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus dan eksperimen kuasi. Sebanyak 31 orang informan telah ditemubual dalam empat sesi temu bual kumpulan fokus, manakala sebanyak 72 orang responden terlibat dalam kajian eksperimen kuasi bagi melihat pola penggunaan sebenar YouTube bagi tujuan agama dalam kalangan generasi muda Islam. Hasil kajian temu bual kumpulan fokus menunjukkan, carian berkaitan dengan syariah iaitu 53.50 %, berbanding eksperimen kuasi iaitu 33.7 %, carian berkaitan tasawuf sebanyak 27.90 % berbanding eksperimen kuasi 34.9 % dan akidah sebanyak 18.60 % berbanding eksperimen kuasi 23.7 %.

**Keywords:** YouTube; Temu bual Kumpulan Fokus; Eksperimen Kuasi; Akidah; Syariah; Tasawuf

**Abstract:** *Various Islamic related videos have been widely circulated in YouTube. Looking at the trends of the young generation through this widespread YouTube site, there is a question of the purpose of using this medium for religious purposes among the young generation of Islam in particular relating to the knowledge of aqidah, shariah and tasawwuf. The purpose of this study is to identify the use of YouTube for religious purposes in young generation of Islam in term of searching for information towards aqidah, shariah and tasawwuf. This study uses the focus group and quasi experimental methods. A total of 31 informants were interviewed in four focus group interview sessions, while a total of 72 respondents were involved in a quasi-experimental study to see the pattern of actual use of YouTube for religious purposes amongs the young generation of Islam. The results of the focus group interviews show that shariah related searches are 53.50%, compared to quasi experiments is 33.7%, tasawwuf related searches 27.90% versus quasi-experimental 34.9% and aqidah of 18.60% compared to quasi experiments 23.7%.*

**Keywords:** *YouTube; Focus Group; Quasi Experimental; Aqedah; Shariah; Tasawwuf*

---

## **Pendahuluan**

Penerimaan dan penggunaan medium media baharu seperti YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan kepercayaan dan amalan agama berkembang luas pada masa kini (Chawki, 2010; Khoshelva, 2013). Melalui laman YouTube, pengguna dapat melayari video dan diberi ruang untuk memberi maklum balas dan komentar serta menyertai perbincangan di bahagian komen video yang dipapar (Mike, Pardeep & Farida, 2015). Hal ini dapat memberikan ruang kepada pengguna untuk memahami dengan lebih mendalam berkaitan topik yang dicari dan dipaparkan di YouTube.

Menurut Meyerson (2010), untuk setiap minit sebanyak 72 jam durasi daripada pelbagai jenis video telah dimuat naik ke YouTube oleh pengguna. Video yang dimuat naik tersebut meliputi video berkaitan dengan hiburan, pendidikan, perubatan dan agama. YouTube boleh diakses secara *offline* oleh pengguna telefon pintar dalam tempoh 48 jam selepas disimpan dalam mode *offline* ketika berada di kawasan Internet berkelajuan tinggi membolehkan ia lebih mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa memerlukan kepada capaian Internet (Berita Harian, 2016). Hal ini memudahkan pengguna untuk melayari YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diingini di mana sahaja mereka berada.

Kajian Norizah dan rakan-rakan (2015) mendapati, generasi Muda Islam menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan agama dan juga hiburan seperti nasyid dan kartun. Sekiranya generasi muda Islam menggunakan YouTube bagi tujuan agama, apakah pola penggunaan carian generasi muda Islam bahan-bahan berkaitan dengan agama di YouTube khususnya berkaitan cabang ilmu Islam berkaitan dengan aqidah, syariah dan tasawwuf. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti penggunaan YouTube untuk tujuan agama dalam kalangan generasi muda Islam khususnya berkaitan dengan carian maklumat aqidah, syariah dan tasawwuf menggunakan kaedah temubual kumpulan fokus dan disahkan melalui penggunaan sebenar dalam eksperimen kuasi.

## **Ulasan Literatur**

Penggunaan media baharu seperti YouTube semakin berkembang luas pada masa kini. Meskipun medium YouTube lebih sinonim dengan hiburan, medium media baharu seperti YouTube juga digunakan bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan agama (Siti Rokiah

Abdul Rahman & Fadzli Adam, 2015). Medium YouTube menjadi pilihan pengguna kerana ianya berasaskan video yang lebih menarik dan mudah untuk digunakan.

Kajian menunjukkan bahawa generasi muda lebih mudah memahami agama melalui alat bantu berasaskan video berbanding kaedah konvensional kerana melalui paparan video ia dapat menerangkan sesuatu perkara dengan lebih praktikal (Wan Noorli Razali dan rakan-rakan, 2012). Penggunaan YouTube juga turut didorong oleh keyakinan pengguna bahawa medium YouTube mampu meningkatkan kefahaman mereka berkaitan dengan sesuatu perkara (Sianipar A.P, 2010).


Dalam Islam, terdapat ilmu fardu ain yang berkaitan kefahaman dan pengamalan Islam yang wajib dituntut oleh semua orang yang mengaku sebagai seorang Muslim. Ilmu fardu ain adalah ilmu yang berkaitan akidah, syariat dan tasawuf yang menjadi teras kepada perbincangan disiplin ilmu-ilmu Islam. Ilmu akidah adalah ilmu berkaitan persoalan ketuhanan, ilmu syariah pula adalah persoalan berkaitan hukum-hakam dalam beribadah, manakala ilmu tasawuf pula merupakan persoalan berkaitan akhlak. Daripada akidah Islam, tumbuh cabang-cabang syariat, dan daripada syariat, lahir pula ibadat dan muamalat yang dianjurkan oleh Islam dan seterusnya menjadikan seseorang Muslim itu berakhlak mulia (Ahmad & Mohd Farid, 2008).

### **Skop Kajian**


Kajian ini terhad kepada penggunaan YouTube bagi tujuan pencarian maklumat berkaitan dengan agama Islam. Pembahagian maklumat berkaitan agama adalah mengikut kategori cabang ilmu Islam iaitu aqidah, syariah dan tasawwuf. Responden di dalam kajian ini adalah melibatkan pelajar beragama Islam ijazah sarjana Muda Universiti Utara Malaysia dan terdedah dengan penggunaan YouTube untuk melayari maklumat keagamaan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam dua fasa iaitu fasa pertama menggunakan kaedah Temu Bual Kumpulan Fokus dan fasa kedua menggunakan kaedah Eksperimen Kuasi.



**Rajah 1. Kajian Fasa Pertama Kaedah Temubual Kumpulan Fokus**



**Rajah 2. Kajian Fasa Kedua Kaedah Eksperimen Kuasi**

### ***Temu Bual Kumpulan Fokus***

Dalam proses mendapatkan data berkaitan jenis maklumat keagamaan YouTube yang dilayari oleh generasi muda Islam, penyelidik menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus bagi tujuan tersebut. Temu bual kumpulan fokus merupakan salah satu kaedah dalam penyelidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan (Rohana, 2004). Melalui temu bual kumpulan fokus juga, ia dapat memberikan gambaran awal kepada penyelidik berkaitan kajian yang dijalankan (Syed Arabi Idid, 1998; Wimmer & Dominick, 2000).

### ***Populasi Dan Sampel Kajian***

Kajian ini melibatkan seramai 31 orang pelajar Universiti Utara Malaysia yang beragama Islam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pengajian. 15 orang daripadanya adalah pelajar lelaki, manakala 16 orang adalah pelajar perempuan. Jumlah informan yang dicadangkan oleh Merriam (1998) dan Flick (2002) ialah enam sehingga lapan orang responden adalah mencukupi kerana mampu mencapai tahap tepu teoritikal.

### ***Metodologi Kajian Eksperimen Kuasi***

Dalam fasa kedua kajian, penyelidik menggunakan kaedah eksperimen kuasi iaitu uji kaji makmal. Eksperimen kuasi ini dijalankan oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu memilih responden yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki. Tujuan penggunaan kaedah kuasi adalah untuk mengkaji pemboleh ubah bebas dan bersandar. Melalui uji kaji makmal, hasil dapatan kajian mempunyai tahap kesahan dalaman yang cukup tinggi (Thyer, 2012).

### ***Populasi Dan Sampel Kajian***

Kajian ini melibatkan seramai 76 orang pelajar di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia selain daripada pelajar yang mengikuti sesi temu bual kumpulan fokus. 26 orang merupakan pelajar lelaki, manakala 46 orang adalah pelajar perempuan. Pemilihan pelajar Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia sebagai sampel kajian ini atas kepercayaan penyelidik bahawa pelajar-pelajar

tersebut tahu dan pernah menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan agama. Jumlah ini melebihi jumlah minima 40 hingga 50 orang seperti yang dicadangkan oleh Wimmer & Dominick (2003).

### ***Kaedah Pengumpulan Data***

Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah *unobtrusive research method* untuk mengumpul data kajian daripada responden. *Unobtrusive research method* merupakan kaedah mengumpul data tanpa melibatkan responden secara langsung. Kaedah ini adalah dengan menjejak tinggalan bukti fizikal seperti dokumen yang dibuang ke dalam tong sampah, kesan-kesan tinggalan dalam menjejak bukti dalam siasatan dan mengumpul data-data yang ditinggalkan (Raymond, 2000).

Sebelum kajian dijalankan, penyelidik mengosongkan sejarah carian dalam enjin carian di dalam makmal komputer, iaitu Internet Explorer, Google Chrome dan Mozilla Firefox. Kemudian, responden akan diberikan taklimat oleh penyelidik berkaitan tempoh masa selama 2 jam yang diberikan untuk melayari YouTube secara bebas bagi mencari bahan-bahan berkaitan agama di dalam makmal kajian. Responden juga dimaklumkan bahawa aktiviti pencarian mereka di YouTube adalah bebas dan tidak dipantau oleh penyelidik dan pembantu makmal.

Setelah selesai tempoh masa yang ditetapkan, responden diminta keluar meninggalkan makmal komputer oleh pembantu makmal. Penyelidik akan menjejak kembali semua komputer yang digunakan oleh responden dengan meneroka bahagian tetapan sejarah (*history setting*) di dalam enjin carian yang digunakan oleh responden. Kandungan fail *cache (cache file)* yang mengandungi alamat setiap laman web yang dilayari oleh subjek kajian disalin ke dalam perisian *Microsoft Word*, seterusnya disimpan ke dalam *pendrive* untuk dianalisa.

### ***Keputusan Dan Perbincangan***

Hasil kajian temu bual kumpulan fokus dan eksperimen kuasi menunjukkan generasi muda Islam menerima dan menggunakan YouTube bagi tujuan agama seperti yang dinyatakan oleh Norizah dan rakan-rakan (2015).

Berdasarkan temu bual kumpulan fokus, carian maklumat agama mengikut cabang ilmu Islam paling tinggi yang dilakukan oleh informan di YouTube adalah carian berkaitan dengan syariah iaitu 53.50 %, diikuti dengan tasawuf sebanyak 27.90 % dan akidah sebanyak 18.60 %. Manakala hasil kajian makmal mendapati, pencarian sebenar yang paling tinggi oleh generasi muda Islam adalah maklumat berkaitan dengan tasawuf 34.9 %, diikuti dengan pencarian berkaitan maklumat syariah sebanyak 33.7 % dan akidah sebanyak 23.7 %.

Berdasarkan jawapan informan, carian berkaitan dengan syariah adalah paling tinggi dan disahkan melalui eksperimen kuasi dimana carian berkaitan dengan syariah hanya kurang 1.2 % berbanding penggunaan sebenar bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan tasawuf. Kajian menunjukkan, generasi muda Islam menerima dan mengguna YouTube bagi tujuan merungkai permasalahan harian mereka berkaitan dengan hukum hakam seperti permasalahan solat, puasa, aurat, percintaan, pertunangan, perkahwinan dan sebagainya.

Selain itu juga, mereka juga turut menggunakan medium YouTube bagi tujuan mendidik diri mereka dimana berdasar hasil carian sebenar menunjukkan, generasi muda Islam cenderung menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan tasawuf. Berdasar

jawapan informan, mereka menggunakan YouTube untuk mendengar zikir, berkaitan dengan motivasi perubahan, kecekalan jiwa. Jawapan yang diberikan informan disahkan melalui eksperimen kuasi dimana generasi muda Islam menggunakan YouTube bagi tujuan mendengar zikir terapi diri, ceramah berkaitan dengan perubahan diri, syukur pada nikmat Allah dan sebagainya.

Medium YouTube juga turut diterima dan digunakan bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan ilmu aqidah. Berdasarkan jawapan informan, mereka menggunakan YouTube untuk mencari ilmu berkenaan dengan kebesaran Allah, isu kalimah Allah, tanda-tanda kiamat dan sebagainya. Carian ini disahkan melalui eksperimen kuasi dimana responden menggunakan YouTube bagi tujuan carian maklumat berkaitan aqidah seperti isu kalimah Allah, kedatangan dajjal, video persoalan kiamat dan sebagainya.

**Jadual 3: Perbandingan Antara Temu Bual Kumpulan Fokus dan Eksperimen Kuasi**

<b>Kategori</b>	<b>Temu Bual Kumpulan Fokus (%)</b>	<b>Eksperimen Kuasi (%)</b>
Aqidah	18.60	23.7
Syariah	53.50	33.7
Tasawwuf	27.90	34.9
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.0</b>

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, generasi muda Islam menerima dan menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan agama, khususnya berkaitan ilmu akidah, ilmu syariah dan ilmu tasawuf. Melalui temu bual kumpulan fokus, generasi muda Islam menyatakan bahawa mereka menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan ilmu akidah, syariah dan tasawuf. Pernyataan ini dikukuhkan dengan hasil kajian eksperimen kuasi yang menunjukkan bahawa generasi muda Islam memanfaatkan medium teknologi khususnya YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan ilmu akidah, syariah dan tasawuf.

Penggunaan YouTube bagi tujuan agama ini adalah kerana ianya mudah dilayari oleh generasi muda Islam yang terdedah dengan pelbagai alat peranti teknologi khususnya telefon pintar. Lambakan bahan di YouTube yang menjadi tarikan kepada generasi muda Islam termasuklah bahan-bahan berkaitan dengan agama, menjadikan mereka menggunakan YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan agama termasuklah maklumat berkaitan dengan aqidah, syariah dan tasawuf. Untuk menggunakan YouTube juga amat mudah membolehkan generasi muda Islam mengakses maklumat pada bila-bila masa dan dimana sahaja mereka berada melalui medium YouTube ini. Peluang yang ada ini sewajarnya digunakan secara optimum oleh agensi agama atau badan dakwah untuk menyebarkan lagi video-video berkaitan dengan aqidah, syariah dan tasawuf di YouTube untuk dilayari oleh umat Islam dinegara kita.

Kajian ini hanya dijalankan dalam kalangan generasi muda Islam di universiti awam. Ia boleh diperluaskan dalam kalangan generasi muda Islam di universiti swasta, golongan yang bekerja dan dalam kalangan orang dewasa bagi melihat apa yang terkandung di fikiran mereka serta penggunaan sebenar YouTube bagi tujuan agama sekiranya diberi peluang. Melalui perbandingan kajian secara temu bual kumpulan fokus dan eksperimen kuasi ini, kita dapat melihat pola penerimaan dan penggunaan YouTube dalam kalangan umat Islam di Malaysia

khususnya bagi tujuan meningkatkan kefahaman mereka dan mengulangaji bagi mengingatkan kembali perkara berkaitan dengan agama berkaitan dengan kehidupan seharian.

### **Penghargaan**

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran RAGS (*Research Acculturation Grant*) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kod S/O: 128540).

### **Rujukan**

- Ahmad Mohd Salleh dan Mohd Farid Hafidz Ahmad. (2008). *Islam agama rabbani: Dasar pendidikan Islam teras untuk KPLI & PPISMP*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Berita Harian. (2016). *YouTube lancar ciri 'offline'*. Capaian pada 15 Februari di <http://www.bharian.com.my/node/124782>, dilayari pada 18 Mac 2019.
- Chawki, M. (2010). *Islam in the Digital Age : Counselling and fatwas at the click of mouse*. Journal of International Commercial Law and Technology, 5 (4) : 165-180.
- Flick, U. (2002). *An introduction to qualitative research* (2<sup>nd</sup> ed.). London: Sage Publications.
- Koshelva, N.V. (2013). *Muslim da'wah and it's influence on islamic studies of the USA*. American International Journal of Research in Humanities, Arts and Social Sciences. 4(1). p.p 102-106.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mike Thelwall, Pardeep Sud & Farida Vis. (2015). Commenting on YouTube videos: From guatemalan rock to El Big Bang, Journal of the American Society for Information Science and Technology, Volume 63, Issue 3, pages 616–629, March 2012.
- Norizah Aripin, Mohd Sobhi Ishak, Awan Ismail, Nik Adzrieman Abdul Rahman & Mohd Nizho Abdul Rahman. (2018). Penerimaan Dan Penggunaan Youtube Sebagai Sumber Maklumat Agama: Satu Perspektif Dari Segi Jantina. Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities. Vol. 15. 47-63.
- Norizah Aripin, Awan Ismail, Mohd Sobhi Ishak, Nik Adzrieman Abdul Rahman, Mot Madon, Mohd Nizho Abdul Rahman & Mohd Faisal Mustaffa. (2015). Youtube dan generasi muda Islam: Satu pendekatan kelompok fokus dalam kalangan pelajar universiti. Prosiding untuk International Conference on Media and Communication, MENTION 2015, 5-6 Oktober 2016, RHR Hotel@Uniten, Bangi, Malaysia. Anjuran oleh Pusat Pengajian Media dan Komunikasi (MENTION), UKM & Jabatan Penerangan Malaysia.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan sains sosial* (Edisi kemas kini). Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Raymond M.Lee (2000), *Unobtrusive method in social research*. Buckingham: Open University Press
- Sianipar, A. P. (2010). Pemanfaatan youtube di kalangan mahasiswa, Di ambil daripada <http://jurnal.usu.ac.id/index.php/flow/article/view/9930/4418> dilayari pada 8 Mac 2016.
- Siti Rokiah Abdul Rahman & Fadzli Adam. (2015). *Penggunaan YouTube sebagai medium pembelajaran agama dalam kalangan generasi Y di Terangganu, Malaysia*, E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015, 8 & 9 June 2015, Meliá Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by <http://WorldConferences.net>.
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thyer, Bruce. (2012). *Quasi-experimental research designs*. 1-216.10.1093/acprof:oso/9780195387384.001.0001.

- Meyerson, M. (2010). *Success secrets of the social media marketing superstars*. USA: Entrepreneur Media Inc.
- Wan Noorli Razali, Che Haslina Abdullah, Tengku Muhaini Binti Tuan Mat, Roshaimizam Bin Suhaimi, Mohamad Zaid Mohd Zin & Ahmad Faisal Mahdi. (2012). *Integrating video to enhance learners' understanding Australian. Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(13): 233-237, 2012 ISSN 1991-8178.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (1987). *Mass media research: An introduction* (2<sup>nd</sup> ed.). Belmont: Wadsworth Publishing Company.